

Terubat rasa rindu tonton perlawanan bola sepak di kedai mamak

SHAH ALAM - Selepas dua tahun tidak dapat menonton perlawanan bola sepak di kedai mamak, rasa rindu untuk melakukan aktiviti tersebut akhirnya terubat.

Seramai 300 penonton hadir ke Restoran Hakim, Seksyen 7 di sini untuk menonton perlawanan separuh akhir Sukan SEA 2022 antara pasukan Harimau Muda dengan Vietnam menerusi program *Jom Tengok Bola! Uniti*

Bersama Harimau Muda.

Penonton turut memakai jersi pasukan bola sepak kebangsaan sebagai tanda sokongan terhadap kumpulan tersebut.

Selain menonton di skrin televisyen, pihak restoran turut membuka ruang makan di luar premis dan memancarkan perlawanan secara langsung itu di layar putih.

Kemeriahian menonton yang

melibat perlawanan bola sepak di restoran itu turut dapat dirasai dengan sorakan dan perlaku penuh ketertujuan sepanjang perlawanan berlangsung. Salah seorang penonton, Sugumaran Muniandy, 52, berkata, dia teruja dapat menonton perlawanan bola sepak beramai-ramai di restoran berkenaan selepas dua tahun akibat pelaksanaan Perintah

siswa di sebuah universiti tempatan juga lebih gemar menonton perlawanan tersebut di luar restoran berbanding di dalam premis tersebut.

"Kalau untuk orang yang suka tonton perlawanan bola sepak ini, rasa seronoklah (menonton di kedai mamak) kerana selalunya tonton di rumah dan telefon pintar sahaja. Kalau tengok di luar (restoran) lebih terasa (kemeriahahan)," katanya.

Program yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Astro Awani itu turut dihadiri Menterinya, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

Turut hadir ke program berkenaan di sini ialah Pengurus Tugas-Tugas Khas Kumpulan Karangkraf, Hashim Anang; pemain pasukan Petaling Jaya City, Mahudi Jasuli; dan penyanyi legenda tanah air, Datuk Jamaludin Elias atau lebih dikenali sebagai Nash.

Dia yang juga seorang maha-



AKMAL BASYIR

SUGUMARAN

Kawalan Pergerakan (PKP).

"Selepas dua tahun tidak dapat menonton perlawanan bola sepak akibat PKP, kita tidak pernah duduk begini (beramai-ramai). Jadi ini pertama kali saya duduk di sini, agak gembira dapat berkumpul bersama kawan-kawan," katanya yang bekerja sebagai kerani.

Bagi Muhammad Akmal Basyr Laynin, 22, debaran menonton perlawanan bola sepak beramai-ramai di restoran mamak lebih terasa berbanding hanya melihat di rumah atau pada skrin telefon pintar.

Dia yang juga seorang maha-



Gelagat penonton yang menyaksikan perlawanan bola sepak secara langsung di Restoran Hakim, Seksyen 7, Shah Alam pada Khamis.